

(c) dengan memasukkan selepas takrif "Pihak Berkuasa" takrif yang berikut:

"tempat import atau eksport yang ditetapkan" ertinya apa-apa tempat yang ditetapkan di bawah seksyen 142 Akta Kastam 1967 sebagai suatu tempat bagi import dan eksport barang-barang melalui jalan dan keretapi;

"tempat pendaratan yang sah di sisi undang-undang" hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kastam 1967;'.
 "

Pindaan
subseksyen
17(1).

3. Subseksyen 17(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "perindustrian" yang terdapat selepas perkataan "zon".

Pindaan
seksyen 42.

4. Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda dengan menomborkannya semula sebagai subseksyen (1) seksyen itu dan dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang telah dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

"(2) Apa-apa pemindahan dari kapal ke kapal dalam had-had pelabuhan zon bebas hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam zon itu."

Seksyen baru
42A. 42B
dan 42c

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 42 seksyen yang berikut:

Pemin-
dahan
barang-
barang ke
dalam dan
dari zon
bebas
melalui
laut.

42A. (1) Tiada barang-barang boleh dibawa masuk ke, atau dimuatkan atau diangkut melalui air untuk dimuatkan bagi dibawa keluar dari, mana-mana zon bebas melalui laut—

(a) kecuali di suatu tempat pendaratan yang sah di sisi undang-undang; dan

(b) sehingga kebenaran untuk berbuat sedemikian telah diterima daripada pegawai Pihak Berkuasa yang hak.

(2) Kecuali dengan kebenaran pegawai Pihak Berkuasa yang hak, tiada barang-barang sedemikian, selepas didaratkan atau dipungahkan, boleh dipindahkalkan.

Pemindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui udara. 42B. Tiada barang-barang boleh dibawa masuk ke, atau dibawa keluar dari, mana-mana zon bebas melalui udara kecuali di suatu lapangan terbang kastam.

Pemindahan barang-barang ke dalam dan dari zon bebas melalui jalan atau keretapi. 42c. Tiada barang-barang boleh dibawa masuk ke, atau dibawa keluar dari, mana-mana zon bebas melalui jalan atau keretapi kecuali di tempat import atau eksport yang ditetapkan dan, jika suatu laluan telah ditetapkan, melalui laluan itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Zon Bebas 1990 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta.
3. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 17(1) Akta dengan memotong perkataan "perindustrian". Dengan pindaan ini bentuk dan cara menyimpan akaun bukan sahaja bagi suatu zon perindustrian bebas tetapi juga bagi suatu zon perdagangan bebas hendaklah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 42 Akta untuk menyifatkan pemindahan dari kapal ke kapal dalam had pelabuhan zon bebas sebagai pemindahan yang dilakukan dalam zon itu.
5. *Fasal 5* bertujuan memasukkan tiga peruntukan baru, iaitu, seksyen 42A, 42B dan 42c untuk mengawalselia pemindahan barang-barang ke dan dari zon bebas melalui laut, udara, jalan dan keretapi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1804.]